KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Jemaah Menteri cadang tempoh penelitian RCI TH dilanjutkan
PAUTAN	https://tinyurl.com/34xts3sw

Jemaah Menteri cadang tempoh penelitian RCI TH dilanjutkan



AHMAD Zahid Hamidi ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Mara Negeri Sembilan 2026 di Seremban hari ini.-UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

Oleh NOR SHAFIQAH MOHD. GHAZALI 29 Julai 2026, 6:05 pm

SEREMBAN: Jemaah Menteri mencadangkan supaya tempoh penelitian laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH) dilanjutkan bagi menilai keberkesanan usaha pemulihan yang dilaksanakan pengurusan baharu institusi itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, cadangan penelitian itu bukan hanya membabitkan tempoh 2014 hingga 2022 sebaliknya diteruskan sehingga tempoh selepas pengurusan TH mengambil alih pentadbiran institusi berkenaan.

Menurutnya, lanjutan tempoh itu penting bagi menilai keberkesanan pelaksanaan syor-syor RCI serta usaha pemulihan yang dilaksanakan oleh pengurusan baharu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	The Star
TAJUK	Tabung Haji RCI report should not be politicised, says Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/3ehyv6j9

The Star Tabung Haji RCI report should not be politicised, says Zahid

TOPICS: State Polls 2026 | Middle East Conflict | Heatwave | Negri Crisis | Connecting Communities | True or Not | Sa

NATION

Tabung Haji RCI report should not be politicised, says Zahid

By SARBAN SINGH
Wednesday, 29 Jul 2026 | 6:58 PM MYT



SEREMBAN: The Royal Commission of Inquiry (RCI) report into Tabung Haji should not be politicised, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

The Deputy Prime Minister said this was more so as the Negri Sembilan polls will be held this Saturday (Aug 1).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Pengelasan semula RCI TH usaha pemulihan, laksana syor dikemukakan - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/3maavhzn

Pengelasan semula RCI TH usaha pemulihan, laksana syor dikemukakan - Ahmad Zahid

Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my



AHMAD Zahid (kanan) menjawab pertanyaan wartawan semasa sidang media pada Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Mara Negeri Sembilan hari ini. FOTO Bernama

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

Seremban: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, hasrat kerajaan supaya pengelasan semula dibuat terhadap Laporan Siasatan Suruhanjaya Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) bertujuan memastikan usaha pemulihan dapat dilaksanakan berdasarkan syor yang dikemukakan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia termasuk berkaitan penstrukturan aset, pencairan aset dan lain-lain langkah untuk memulihkan TH.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	Kerajaan setuju dedah laporan RCI Tabung Haji, sidang khas Parlimen dicadang
PAUTAN	https://tinyurl.com/mw5vbtpv

THE RAKYAT INSIGHT
@therakyat insight .com

SEREMBAN: Kerajaan bersetuju mendedahkan kepada umum laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Tabung Haji (TH), selain mencadangkan supaya satu sidang khas Parlimen diadakan bagi membentangkan hasil siasatan berkenaan.

Ad by CRITEO
Report this ad
Ad choices

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu sebagai komitmen kerajaan untuk meningkatkan ketelusan serta membolehkan syor-syor RCI diteliti secara terbuka. Cawangan Eksekutif

"Tadi di dalam mesyuarat Jemaah Menteri, kita telah bersetuju agar laporan Suruhanjaya Diraja mengenai Tabung Haji didedahkan kepada umum.

"Kami juga mencadangkan supaya satu sidang khas Parlimen diadakan bagi membentangkan laporan Suruhanjaya Diraja Tabung Haji ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Jelajah Pendidikan Tinggi TVET Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)-MARA di Paroi, pada Rabu.

Menurut Zahid, kerajaan turut mencadangkan agar skop penelitian terhadap pengurusan TH diperluaskan melepasi tahun 2022 bagi menilai

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Kerajaan cadang semakan RCI TH diperluas hingga era pengurusan baharu - Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/46awjr3z

MALAYSIA

Kerajaan cadang semakan RCI TH diperluas hingga era pengurusan baharu - Ahmad Zahid



Asyraf Malik
29/07/2026 | 17:56 MYT



Ahmad Zahid berkata Jemaah Menteri telah mencadangkan agar jeda waktu untuk dapatan kajian ini dilanjutkan bukan hanya sehingga tahun 2022, tetapi dilanjutkan daripada 2014 hingga 2022. - Gambar fail/Astro AWANI

Advertisement

SEREMBAN: Kerajaan mencadangkan supaya tempoh semakan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Tabung Haji diperluaskan bagi merangkumi tempoh selepas pengurusan dan kepengerusian baharu institusi itu mengambil alih.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah itu bertujuan membolehkan usaha pemulihan yang dilaksanakan selepas tempoh siasatan turut dinilai secara menyeluruh, dan bukan hanya tertumpu kepada dapatan sehingga tahun 2022.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Kabinet cadang tempoh dapatan kajian laporan RCI TH liputi pengambilalihan oleh pengurusan baharu
PAUTAN	https://tinyurl.com/4xruef6k

Kabinet Cadang Tempoh Dapatan Kajian Laporan RCI TH Liputi Pengambilalihan Oleh Pengurusan Baharu - Ahmad Zahid

29/07/2026 08:31 PM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (kiri) hadir pada Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Mara Negeri Sembilan di Casa Lagenda Convention Centre. --fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

SEREMBAN, 29 Julai (Bernama) -- Jemaah Menteri mencadangkan supaya tempoh dapatan kajian Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) turut meliputi tempoh pengambilalihan institusi oleh pengurusan baharu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata ia bagi membolehkan usaha pemulihan yang dilaksanakan selepas tempoh siasatan turut dinilai.

"Jemaah Menteri telah mencadangkan agar jeda waktu untuk dapatan kajian ini dilanjutkan bukan hanya hingga **2020**, tetapi dilanjutkan dari 2014 hingga 2022, dan 2022 hingga apabila pengurusan dan kepengerusian baharu TH mengambil alih.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	FMT
TAJUK	Kabinet cadang tempoh dapatan kajian RCI TH liputi pengurusan baharu
PAUTAN	https://tinyurl.com/3xnckx9u

Kabinet cadang tempoh dapatan kajian RCI TH liputi pengurusan baharu

YESTERDAY
FMT Reporters

Share

Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi berkata ia demi memastikan usaha pulih TH benar-benar dilaksana berdasarkan syor RCI.



Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi, berkata laporan RCI Tabung Haji (TH) bukan menuding jari kepada seseorang dan berharap ia tidak dipolitikkan.

PETALING JAYA: Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi berkata Jemaah Menteri mencadangkan tempoh dapatan kajian Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji (TH) turut meliputi tempoh pengambilalihan institusi oleh pengurusan baharu.

Katanya, ia bagi membolehkan usaha pemulihan yang dilaksanakan selepas tempoh siasatan turut dinilai.

"Jemaah Menteri telah mencadangkan agar jeda waktu untuk dapatan kajian ini dilanjutkan bukan hanya hingga 2020, tetapi dilanjutkan dari 2014 hingga 2022, dan 2022 hingga apabila pengurusan dan kepengerusian baharu TH mengambil alih.



MOST VIEWED LAST 2 DAYS

1 NATION YESTERDAY
Shafie sentenced to 5 weeks' jail for contempt, execution stayed

2 NATION YESTERDAY
Malays shouldn't give Umno a blank cheque yet, says veteran newsman

3 NATION 2 DAYS AGO
Court orders MYAirline founder to repay RM67.5mil to investors

4 NATION 2 DAYS AGO
DAP wouldn't have won Bangi without Malay support, says MP

5 NATION 2 DAYS AGO
Mercedes-Benz, Hap Seng Star fail again to dismiss defective car suit

6 NATION 2 DAYS AGO
Bahrain to receive all proceeds from F1 race in Sepang

7 NATION 2 DAYS AGO
Major bust in Forest City as 335 nabbed, 2

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	Rubber price targeted to reach RM5 per kilogramme by end-2027
PAUTAN	https://tinyurl.com/y95zyxyr

MALAYSIA NEWSGAZETTE

General Business Politics Technology Medical Sports Press Releases Search...



BUSINESS

Rubber Price Targeted To Reach RM5 Per Kilogramme By End-2027: Ahmad Zahid

JULY 28, 2026

Kuala lumpur: The minimum price of rubber is targeted to reach RM5 per kilogramme by the end of 2027 as part of efforts to enhance the income and living standards of over 500,000 rubber smallholders across the nation, announced Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Ahmad Zahid, also serving as the Minister of Rural and Regional Development, emphasized that this target poses a challenge for the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) to innovate new strategies ensuring the commodity is traded at elevated prices, despite global supply and demand influences.

According to BERNAMA News Agency, Ahmad Zahid highlighted that efforts to boost rubber prices aim not only to increase smallholders' income but are crucial for maintaining the sector's sustainability and attractiveness to younger generations, encouraging their involvement and continuity in the rubber industry. Addressing the economic theory that rubber prices hinge on global supply and demand, he stressed the need for novel approaches to elevate the dignity, performance, and economic growth of smallholders, viewing this as essential for reflecting the true value of rubber.

The deputy prime minister delivered this speech during the RISDA Central Zone Smallholders Convention's opening ceremony, attended by Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang and RISDA chairman Manndzri Nasib. Ahmad Zahid underlined that smallholders contribute about 80 percent of Malaysia's rubber production, highlighting their pivotal role in the industry. He asserted that enhancing smallholders' incomes should not solely rely on higher rubber prices but also on increased productivity through technology adoption, mechanisation, digitalisation, and improved plantation management.

ADVERTISEMENT

RECENT POST

- N. Sembilan Polls: Over 14 Pct Of Early Voters Cast Ballots By 9 Am — JULY 28, 2026
- N. Sembilan Polls See Early Polling Centres Closing Amid High Turnout — JULY 28, 2026
- Heartbreak In Kuala Lumpur: Rachel Misses Bronze By 0.133 Points — JULY 28, 2026
- 2026 ASEAN Cup: Harimau Malaya Beat Laos 4-0 For Second Group Win

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	RISDA perluas belian getah, kini nilai cecah RM29.08 juta
PAUTAN	https://tinyurl.com/9seveze8

RISDA perluas belian getah, kini nilai cecah RM29.08 juta

29 Julai 2026 05:45pm
Masa membaca: 4 minit

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami



Ahmad Zahid menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Zainal Azni (hadapan, kiri) dan Pengurus Besar KESEDAR, W Muhd Rahimi Wan Salleh (kanan).

SEREMBAN - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) terus memperkukuh agenda pemerkasaan ekonomi desa apabila inisiatif sebagai pembeli getah utama (anchor buyer) merekodkan nilai pembelian hasil getah pekebun kecil sebanyak RM29.08 juta setakat pertengahan Julai tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, RISDA membeli lebih 7,000 tan metrik getah daripada pekebun kecil di seluruh negara, sekali gus

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Inisiatif 'anchor buyer' RISDA bantu pekebun kecil raih hasil bermaruah
PAUTAN	https://tinyurl.com/4wha9mm6

Inisiatif 'anchor buyer' RISDA bantu pekebun kecil raih hasil bermaruah

Julai 29, 2026 @ 5:57pm



Ahmad Zahid (empat dari kanan) menyampaikan Anugerah Tokoh Pekebun Kecil RISDA kepada Buang Maruji (tiga dari kiri) pada Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Tengah 2026 di Seremban, kelmarin. Turut hadir Rubiah dan Manndzri (empat dari kiri).

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

Oleh Mohd Amin Jalil

SEREMBAN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) terus memperkukuh agenda pemerkasaan ekonomi desa dengan memastikan pekebun kecil menikmati pulangan hasil yang lebih adil dan pendapatan lebih mampan.

Menerusi inisiatif yang dilaksanakan, RISDA sebagai pembeli getah utama (anchor buyer), berjaya merekodkan nilai pembelian hasil getah pekebun kecil mencecah RM29.08 juta setakat pertengahan Julai tahun ini.

Melalui kenyataan yang dikeluarkan sempena Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Tengah 2026, di sini, RISDA berkata pencapaian itu membabitkan pembelian lebih 7,000 tan metrik getah daripada pekebun kecil di seluruh negara.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Malaysia Press
TAJUK	Orang Asli Bukit Kepong puas hati pembangunan, hargai peranan kerajaan negeri dan JAKOA
PAUTAN	https://tinyurl.com/yrrm2ea9

Orang Asli Bukit Kepong puas hati pembangunan, hargai peranan kerajaan negeri dan JAKOA

Yaya Amir • PRN Negeri Sembilan • July 29, 2026 • 0 Comments



PORT DICKSON – Masyarakat Orang Asli Kampung Bukit Kepong, di sini berpuas hati dengan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan Negeri Sembilan bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), terutama dalam penyediaan kemudahan asas yang meningkatkan taraf hidup penduduk.

Tok Batin Kampung Orang Asli Bukit Kepong, Omar Goming, 68, berkata pelbagai kemudahan seperti pembinaan dan baik pulih rumah, bekalan air bersih, elektrik serta jalan raya yang lebih sempurna memberi keselesaan kepada penduduk.

"Perubahan yang berlaku hari ini jauh berbeza berbanding keadaan kampung itu beberapa dekad lalu apabila kemudahan asas masih terhad.

"Dulu keadaan tidak seperti sekarang. Sekarang rumah semakin baik, jalan sudah elok, bekalan air dan elektrik juga sudah ada. Kami bersyukur dengan pembangunan yang diberikan," katanya ketika ditemui The Malaysia Press

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	Asyraf Wajdi: TVET kini pilihan utama, bukan lagi laluan kedua untuk belia
PAUTAN	https://tinyurl.com/2fuu6mr5



SEREMBAN: Pengerusi MARA, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) kini muncul sebagai pilihan utama dalam kalangan anak muda, hasil pelaksanaan dasar dan pembaharuan yang mengangkat martabat laluan pendidikan berkenaan.

Beliau berkata, perubahan itu bukan berlaku secara kebetulan, sebaliknya didorong oleh perancangan strategik kerajaan yang mahu menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dengan lebih ramai tenaga kerja mahir, sebagaimana negara maju seperti Korea Selatan dan Jepun.

"TVET bukan lagi pilihan kedua, ketiga atau terakhir. Hari ini TVET dilihat sebagai pilihan utama anak-anak muda kerana masa depannya semakin cerah dan mendapat pengiktirafan yang sewajarnya," katanya ketika berucap pada Program Jelajah TVET MARA di Paroi, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	TVET buka laluan kejayaan untuk semua, bukan hanya pelajar cemerlang akademik
PAUTAN	https://tinyurl.com/29xe8jwb

SEREMBAN: Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) kini menjadi laluan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir, sekali gus membuktikan kejayaan tidak hanya bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata. Cawangan Eksekutif

Beliau berkata, persepsi lama yang meletakkan TVET sebagai pilihan kedua perlu diubah kerana setiap individu mempunyai bakat dan kelebihan tersendiri yang boleh digilap menerusi pendidikan teknikal.

"Sebelum ini tidak ramai memberi perhatian kepada TVET. Kebanyakan pelajar selepas SPM hanya memikirkan untuk masuk universiti berdasarkan keputusan peperiksaan mereka.

"Tetapi kita perlu sedar ada satu lagi laluan yang sangat penting iaitu TVET, yang membuka peluang kepada mereka yang mempunyai bakat dalam bidang teknikal dan kemahiran," katanya ketika berucap pada Program Jelajah TVET MARA, hari ini.

Menurut beliau, seseorang yang tidak memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak bermaksud mereka kurang bijak, sebaliknya mungkin memiliki potensi besar dalam bidang kemahiran dan teknikal.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Utusan Sarawak
TAJUK	Penduduk Sungai Sebanyak nikmati jambatan konkrit baharu
PAUTAN	https://tinyurl.com/4fxs4p2j

Penduduk Sungai Sebanyak nikmati jambatan konkrit baharu

Utusan Sarawak July 29, 2026 TENGAH, WILAYAH

Facebook WhatsApp



SARIKEI: Penduduk di Jalan Ann Hock, Sungai Sebanyak kini menikmati kemudahan jambatan konkrit baharu bernilai RM449,000 yang dibina bagi menggantikan jambatan papan lama yang uzur.

Projek sepanjang 36 meter itu berjaya direalisasikan hasil usaha berterusan Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, Dato' Sri Huang Tiong Sii dalam mendapatkan peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan.

Menurut beliau, jambatan konkrit baharu yang mengambil masa kira-kira tiga bulan untuk disiapkan itu kini dibuka kepada orang ramai dan dijangka memberi manfaat kepada penduduk setempat menerusi sistem perhubungan yang lebih selamat serta lancar.

TERKINI



STEM, AI kunci daya saing Sarawak – Abang Johari
Utusan Sarawak · July 30, 2026

SIBU: Pembangunan modal insan yang menguasai Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta kecerdasan buatan (AI) menjadi teras utama usaha



Taiwan jadi sasaran perluasan pasaran Lada Sarawak
Utusan Sarawak · July 30, 2026

KUCHING: Hubungan diplomatik serta kerjasama perdagangan antara Malaysia dan Taiwan dijangka terus memperkukuh prospek Lada Sarawak di pasaran antarabangsa menerusi

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Capital Post
TAJUK	JKR KESEDAR perkukuh integriti pengurusan kewangan
PAUTAN	https://tinyurl.com/mr3j2pby

BM NATIONAL

JKR KESEDAR Perkukuh Integriti Pengurusan Kewangan

By Shafinaz — Last updated Jul 29, 2026 — 99 — 0



Gambar Dari Facebook JKR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan

Estimate Reading Time: < 1 minute

KELANTAN 29 Julai 2026, (The Capital Post) – Jabatan Kerja Raya (JKR) KESEDAR menerima kunjungan pasukan audit bagi pelaksanaan Pengauditan Penampilan Audit (Kewangan) yang berlangsung pada 27 hingga 28 Julai 2026 sebagai usaha memastikan pengurusan kewangan jabatan sentiasa mematuhi peraturan serta prosedur yang ditetapkan.

Sesi pengauditan tersebut dilaksanakan oleh pegawai daripada Seksyen Audit Kewangan, Unit Audit Dalam, Kementerian Kerja Raya Malaysia dengan memberi tumpuan kepada tahap pematuhan terhadap tatacara pengurusan kewangan, pengurusan rekod, dokumentasi serta aspek tadbir urus jabatan. Agensi Kerajaan

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Capital Post
TAJUK	JAKOA holds dialogue on Orang Asli customary land recognition
PAUTAN	https://tinyurl.com/2x68ts5u

ENG | NATIONAL

JAKOA Holds Dialogue on Orang Asli Customary Land Recognition

By Gokkul — On Jul 29, 2026 — 125 — 0



Photo: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Facebook

Estimate Reading Time: < 1 minute

KUALA LUMPUR, 29 July 2026 (The Capital Post) – The Department of Orang Asli Development (JAKOA) conducted a dialogue session on the memorandum regarding the recognition of Orang Asli customary land and customary territories across Peninsular Malaysia with representatives from the Orang Asli community and non-governmental organisations (NGOs).

The session was held on 28 July 2026 at the Patawali Meeting Room, JAKOA Headquarters, and was chaired by YBhg. Datuk Abdul Kahar bin Abdullah, Deputy Secretary-General (Policy) of the Ministry of Rural and Regional Development (KKDW). Agensi Kerajaan

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Harga minimum getah RM5 sekilogram sebelum akhir tahun 2027
PAUTAN	https://tinyurl.com/4jx47rnt

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Perluaskan tempoh dapatan RCI Tabung Haji
PAUTAN	https://tinyurl.com/483mettf

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Negeri Sembilan
PAUTAN	https://tinyurl.com/5cnzyy4j

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Getah RM5 menjelang 2027: Kerajaan mahu tingkat taraf hidup pekebun kecil
PAUTAN	https://tinyurl.com/mubdrfur

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Naik taraf jalan balak: Dua projek diluluskan di Sarawak
PAUTAN	https://tinyurl.com/2p2yxsdr

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Tabung Haji RCI: Cabinet proposes expanding review period
PAUTAN	https://tinyurl.com/cerb247k

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Jangan manipulasi RCI TH
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdcmky6s

Jangan manipulasi RCI TH - Ahmad Zahid

TPM mahu penelitian dilanjutkan hingga 2022 bagi menilai usaha pemulihan pengurusan baharu

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI



Ahmad Zahid (kanan) menjawab pertanyaan wartawan semasa sidang akhbar Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Mara Negeri Sembilan di Seremban pada Rabu.

SEREMBAN – Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) tidak seharusnya dimanipulasikan untuk kepentingan politik menjelang hari pengundian Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan pada Sabtu ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, laporan berkenaan bukan bertujuan menuding jari kepada mana-mana individu, sebaliknya mengandungi syor untuk memperkukuh pengurusan, portfolio pelaburan dan aliran tunai TH.

"Saya fikir TH sedang menuju ke arah memantapkan portfolio pelaburannya dan kedudukan aliran tunainya.

"Pada hemat saya, laporan itu bukan mahu menuding jari kepada seseorang, tetapi merupakan satu syor yang tidak harus dipolitikkan.

"Apatah lagi pada hari Sabtu ini adalah hari penting untuk Negeri Sembilan dan saya harap ia tidak dimanipulasikan," katanya selepas merasmikan penutupan Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Mara Negeri Sembilan di sini pada Rabu.

Ahmad Zahid berkata, laporan tersebut sepatutnya didedahkan kira-kira tiga tahun lalu, namun ditangguhkan kerana bimbang boleh mencetuskan kegusaran pendeposit sehingga mendorong mereka mengeluarkan simpanan.

LAPORAN MUKA DEPAN

"Sepatutnya laporan itu telah dikeluarkan kira-kira tiga tahun lalu, tetapi pihak pengurusan TH dan menteri ketika itu memohon agar laporan itu tidak didedahkan kerana dikhuatiri akan menyebabkan berlakunya penebusan wang yang didepositkan di TH," jelas beliau.

Ahmad Zahid turut mencadangkan supaya sidang khas Parlimen diadakan bagi membentangkan dan membahaskan laporan berkenaan.

Beliau juga mahu tempoh penelitian tidak terhad sehingga 2020, sebaliknya dilanjutkan hingga 2022 ketika pengurusan baharu TH mengambil alih.

Menurutnya, langkah tersebut penting bagi menilai sama ada usaha pemulihan, termasuk penstrukturan dan pencairan aset, benar-benar dilaksanakan berdasarkan syor RCI.

"Ini bagi memperlihatkan bahawa usaha pemulihan, antaranya penstrukturan aset, pencairan aset dan lain-lain langkah untuk memulihkan TH benar-benar telah dilaksanakan berdasarkan syor-syor yang dibuat dalam laporan RCI," ujarnya.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan perlu meneruskan langkah pemulihan bagi memastikan pendeposit memperoleh pulangan sewajarnya.

Menurut beliau, strategi pelaburan TH juga perlu diteroka dalam bidang yang mampu memberikan pulangan lebih baik, sekaligus membantu mengurangkan beban kos menunaikan ibadah haji yang semakin meningkat.

"Dengan hasil keuntungan melalui dividen atau bonus yang akan diberikan kelak, ia akan memperlihatkan kos tersebut boleh diturunkan," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	RISDA perluas belian getah, kini nilai cecah RM29.08 juta
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wp53375

RISDA perluas belian getah, kini nilai cecah RM29.08 juta

Inisiatif *anchor buyer* pacu pendapatan bermaruah pekebun kecil

SEREMBAN - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) terus memperkukuh agenda pemerkasaan ekonomi desa apabila inisiatif sebagai pembeli getah utama (*anchor buyer*) merekodkan nilai pembelian hasil getah pekebun kecil sebanyak RM29.08 juta setakat pertengahan Julai tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, RISDA membeli lebih 7,000 tan metrik getah daripada pekebun kecil di seluruh negara, sekali gus mengukuhkan keyakinan terhadap peranannya sebagai saluran pemasaran yang cekap, telus serta menawarkan harga lebih stabil dan kompetitif.

Menurutnya, inisiatif *anchor buyer* menjadi agenda strategik RISDA dalam mengukuhkan rantaian pemasaran getah dengan memastikan hasil pekebun kecil dipasarkan secara tersusun, mengurang kebergantungan pihak tengah serta mewujudkan persaingan pasaran yang sihat demi menambahbaik pendapatan pekebun kecil.

"Pendekatan ini memperkukuh peranan agensi sebagai pemudah cara pemasaran menerusi rangkaian pusat kutipan, kerjasama pihak berkepentingan, di samping memperluas operasi Perkhidmatan Pemasaran Getah Bergerak (PGB) menerusi RISDA Plantation Sdn Bhd (RPSB). RISDA juga disaran untuk menyediakan infrastruktur seperti kilang pemprosesan hasil getah bagi menyokong rantaian nilai industri getah sehingga ke produk hiliran.

"Inisiatif ini turut menyokong usaha kerajaan memperkukuh daya saing industri komoditi getah negara dan penetapan capaian sasaran pengeluaran satu juta tan metrik getah menjelang 2030 serta memberi manfaat kepada lebih 508,000 pekebun kecil di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Tengah 2026 yang diadakan di sini pada Selasa.



Ahmad Zahid menyampaikan Anugerah Tokoh Pekebun Kecil RISDA sempena Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Tengah 2026, di sini pada Selasa.


Ahmad Zahid menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Zainal Azni (hadapan, kiri) dan Pengurus Besar KESEDAR, W Muhd Rahimi Wan Salleh (kanan).

Turut hadir Timbalan Menteri KKDW, Datuk Rubiah Wang; Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib; Timbalan KSU KKDW, Datuk Dr Roslan Mahmood dan Ketua Pengarah RISDA, Zainal Azni Zulkifli.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, RISDA juga menyasarkan harga minimum getah sebanyak RM5 sekilogram dapat direalisasikan menjelang penghujung tahun 2027 sebagai usaha memperkasakan kebajikan pekebun kecil di seluruh negara.

"Sasaran itu merupakan antara keutamaan kepimpinan baharu RISDA bagi memastikan pekebun kecil menikmati harga yang lebih bermaruah dan mampu meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib berkata, Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Zon Tengah menjadi platform menghimpunkan pekebun kecil dari Negeri Sembilan, Selangor dan Perak.

Menurutnya, majlis bertemakan Mensejahtera Komuniti, Memperkasa Komoditi turut menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara RISDA dengan FELCRA, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) bagi memperkukuh kolaborasi dalam pemasaran getah pekebun kecil.

"Saya percaya apabila setiap agensi bergerak secara berpasukan, pembangunan desa akan menjadi lebih efisien dan mampu membina ekosistem komoditi yang mampan serta berdaya saing demi manfaat komuniti pekebun kecil," katanya.

Pada majlis sama, penerima Anugerah Tokoh Pekebun Kecil RISDA Zon Tengah, Buang Maruji, 67, berkata, kejayaannya menguruskan 32 hektar kebun getahnya tidak dicapai tanpa sokongan penuh pihak RISDA.

"Saya berharap sokongan KKDW dan RISDA kepada pekebun kecil akan digandakan supaya lebih ramai generasi muda melihat sektor getah sebagai industri yang mampu menjana pendapatan lumayan," katanya yang tinggal di Kampung Bukit Kerayong, Kapar, Selangor.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Inisiatif 'anchor buyer' RISDA bantu pekebun kecil raih hasil bermaruah
PAUTAN	https://tinyurl.com/3dfdrc9m

Inisiatif 'anchor buyer' RISDA bantu pekebun kecil raih hasil bermaruah

Agensi perkasa ekonomi desa, nikmati pulangan hasil lebih adil, mampan

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid (empat dari kanan) menyampaikan Anugerah Tokoh Pekebun Kecil RISDA kepada Buang Maruji (tiga dari kiri) pada Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Tengah 2026 di Seremban, kelmarin. Turut hadir Rubiah dan Manndzri (empat dari kiri). (Foto ihsan RISDA)

Seremban: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) terus memperkukuh agenda pemerkasaan ekonomi desa dengan memastikan pekebun kecil menikmati pulangan hasil yang lebih adil dan pendapatan lebih mampan.

Menerusi inisiatif yang dilaksanakan, RISDA sebagai pembeli getah utama (*anchor buyer*), berjaya merekodkan nilai pembelian hasil getah pekebun kecil mencecah RM29.08 juta setakat pertengahan Julai tahun ini.

Melalui kenyataan yang dikeluarkan sempena Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Tengah 2026, di sini, RISDA berkata pencapaian itu membabitkan pembelian lebih 7,000 tan metrik getah daripada pekebun kecil di seluruh negara.

Ia sekali gus membuktikan peningkatan keyakinan terhadap peranan RISDA sebagai antara saluran pemasaran yang cekap, telus dan menawarkan pulangan harga pasaran lebih stabil dan kompetitif.

Agenda strategik RISDA

Inisiatif *anchor buyer* menjadi agenda strategik RISDA dalam mengukuh rantaian pemasaran getah negara dengan memastikan hasil pekebun kecil dipasarkan secara tersusun, mengurang kebergantungan orang tengah serta mewujudkan persaingan pasaran yang sihat.

Pendekatan ini turut memperkukuh peranan agensi sebagai pemudah cara pemasaran melalui rangkaian pusat kutipan, kerjasama koperasi, pengusaha depo dan pemegang lesen, di samping memperluaskan operasi Perkhidmatan Pemasaran Getah Bergerak (PGB) yang dikendalikan syarikat milikan RISDA, RISDA Plantation Sdn Bhd (RPSB).

Menurut kenyataan itu, pelaksanaan ekosistem pemasaran yang sistematik ini memboleh-kan pekebun kecil menikmati akses pemasaran lebih mudah, pantas dan kompetitif, sekali gus memastikan hasil getah dapat dipasarkan secara efisien dan memberikan nilai lebih baik.

Sehingga pertengahan Julai ini, Pahang merekodkan nilai pembelian tertinggi melebihi RM9.04 juta, diikuti Perak (RM4.67 juta), Johor (RM3.40 juta), Kedah (RM2.96 juta) dan Negeri Sembilan (RM2.53 juta).

Prestasi ini mencerminkan kesan pelaksanaan strategi pemasaran yang digerakkan secara bersepadu oleh seluruh jentera RISDA di seluruh negara.

Pelaksanaan *anchor buyer* ini bukan sekadar meningkatkan jumlah pembelian hasil getah, malah menjadi instrumen penting dalam memastikan nilai optimum dapat dikembalikan kepada pekebun kecil melalui sistem pemasaran yang telus, tersusun dan berdaya saing, selaras pemerkasaan agenda Desa Lestari oleh KKDW.

Inisiatif berkenaan turut menyokong usaha kerajaan memperkukuh daya saing industri komoditi getah negara serta penetapan capaian sasaran pengeluaran satu juta tan getah menjelang 2030, di samping memberi manfaat kepada lebih 508,000 pekebun kecil getah di seluruh negara.

Konvensyen menghimpunkan pekebun kecil dan rakan strategik dari Negeri Sembilan, Selangor dan Perak itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Turut hadir, Timbalannya, Datuk Rubiah Wang; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW, Datuk Dr Roslan Mahmood dan Ketua Pengarah RISDA, Zainal Azni Zulkifli.

Pengerusi RISDA, Manndzri Nasib, dalam ucapan berkata, di bawah kepemimpinan Ahmad Zahid, pihaknya melihat pendekatan pembangunan desa semakin tersusun dan menyeluruh di bawah agenda Desa Lestari.

Beliau berkata, kerjasama antara kementerian, agensi serta pelbagai pihak terus diperkukuh agar setiap dasar dan inisiatif dilaksanakan benar-benar sampai kepada rakyat serta memberi manfaat kepada komuniti desa.

"Setiap program dilaksanakan bukan sekadar memenuhi sasaran tahunan tetapi lebih penting ialah bagaimana setiap inisiatif itu mampu membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan, memperkukuh ekonomi keluarga dan membina masa depan desa yang lebih baik," katanya.

Pada majlis itu, RISDA menandatangani Memorandum Persefahaman bersama beberapa pihak sebagai rakan strategi untuk mengukuh pengurusan bekalan, memperluas pemasaran hasil getah serta membuka lebih banyak peluang kepada pekebun kecil dan peneroka.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Pengelasan semula laporan RCI supaya pemulihan dilaksana
PAUTAN	https://tinyurl.com/5u3j7bsx

Pengelasan semula laporan RCI supaya pemulihan dilaksana

Seremban: Jemaah Menteri mengelaskan semula Laporan Akhir Siasatan Suruhanjaya Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) bagi memastikan usaha pemulihan dilaksanakan berdasarkan syor RCI.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata, ini termasuk penstrukturan aset dan pencairan aset untuk memulihkan TH.

"Kami mencadangkan agar pengelasan semula dibuat dan dapatan kajian ini dilanjutkan bukan hanya sehingga 2020, tapi dilanjutkan dari 2014 hingga 2022, apabila pengurusan baharu TH mengambil alih.

"Ini bagi memperlihat agar usaha pemulihan antaranya termasuk penstrukturan aset, pencairan aset dan langkah lain untuk memulihkan TH dilaksanakan berdasarkan syor dibuat oleh RCI berkenaan," katanya selepas Majlis Perasmian Penutup Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET MARA di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Ahmad Zahid berkata, langkah itu menunjukkan komitmen kerajaan terhadap cadangan dikemuka suruhanjaya berkenaan bagi pemulihan TH, sekali gus memastikan pendeposit memperoleh pulangan sepatutnya dan dapat membantu mereka menunaikan haji.

Beliau berkata, pihaknya mendapati TH menuju ke arah memantapkan portfolio pelaburan dan kedudukan aliran tunai.

Pengelasan semula itu, katanya, akan dapat memastikan ia lebih telus dan lengkap.

"Dengan keuntungan melalui dividen atau bonus melalui sektor dan perusahaan baharu, ia dapat membantu mengurangkan kos dan menampung daripada keuntungan diperoleh.

"Semua pihak sedia maklum kos menunaikan ibadah haji ketika ini meningkat berbanding sebelum ini hanya RM9,980 bagi setiap jemaah," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berharap tiada pihak mengambil kesempatan memanipulasi atau mempolitikan laporan berkenaan, lebih lebih lagi menjelang hari pengundian Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan ke-16, Sabtu ini.

Tegasnya, laporan itu bukan bertujuan menuding jari kepada sesiapa tetapi ia adalah syor yang tidak harus dipolitikan.



Ahmad Zahid bersama Zambry (kiri) dan Asyraf Wajdi (kanan) pada Majlis Perasmian Penutup Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET MARA di Seremban, semalam. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Perluaskan tempoh dapatan RCI Tabung Haji
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdcsccww

Perluaskan tempoh dapatan RCI Tabung Haji

Oleh NOR SHAFIQAH MOHD GHAZALI
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Jemaah Menteri mencadangkan supaya penelitian terhadap dapatan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) diperluaskan dan tidak hanya tertumpu kepada tempoh antara 2014 hingga 2020.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, cadangan itu bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan syor-syor RCI dalam usaha memulihkan TH.

Beliau berkata, Jemaah Menteri turut mencadangkan supaya satu sidang khas Parlimen diadakan bagi membentangkan laporan RCI berkenaan.

"Kami (Jemaah Menteri) juga mencadangkan supaya laporan RCI Tabung Haji didedahkan kepada umum dan satu sidang khas Parlimen diadakan bagi membentangkan laporan tersebut.

"Cadangan melanjutkan tempoh penelitian ini adalah untuk memperlihatkan bahawa usaha pemulihan yang dilakukan benar-benar dilaksanakan berdasarkan syor-syor RCI serta menunjukkan komitmen kerajaan terhadap pelaksanaannya," katanya pemberita selepas merasmikan Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET MARA Negeri Sembilan 2026 di Paroi semalam.

Ahmad Zahid berkata, Jemaah Menteri juga bersetuju agar langkah-langkah pemulihan terus diperkasakan sebagai bukti komitmen kerajaan dalam memastikan TH kembali kukuh.

Katanya, usaha itu penting bagi membolehkan pendeposit menikmati pulangan yang sewajarnya, selain mengurangkan beban kos menunaikan ibadah haji yang semakin meningkat.

"Kita mengetahui kos menunaikan ibadah haji terus meningkat susulan kenaikan kos penerbangan, penginapan hotel dan pelbagai perbelanjaan lain.

"Justeru, keuntungan yang dijana melalui pelaburan TH diharap dapat membantu mengurangkan kesan kenaikan kos tersebut," katanya.

Mengulas lanjut, beliau yakin pengurusan baharu TH mampu meningkatkan prestasi institusi itu sekali gus memberikan pulangan yang lebih baik kepada para pendeposit.

Sementara itu, Ahmad Zahid menafikan dakwaan kononnya persefahaman antara parti-parti tertentu tidak serasi sebagaimana dimainkan di media sosial.

Beliau berkata, dakwaan tersebut hanya lontaran pihak yang tidak senang melihat persefahaman politik yang sedang dibina.

"Itu hanyalah pandangan pihak tertentu. Kita tunggu dan lihat nanti, mudah-mudahan segala telahan mereka itu tidak menjadi kenyataan," katanya.



AHMAD Zahid Hamidi (tengah) bersama pelajar pada Program Jelajah Pendidikan Tinggi dan TVET Mara Negeri Sembilan di Paroi, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 30 JULAI 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Makkal Osai
TAJUK	Kerajaan sasar harga getah RM5.00 sekilogram
PAUTAN	https://tinyurl.com/v7czes7d

ஒரு கிலோ ரப்பர் 5.00 ரிங்கிட்

அரசாங்கம் இலக்கு

சிரம்பான், ஜூலை 29-

வரும் 2027ஆம் ஆண்டு இறுதிவாக்கில் ஒரு கிலோ ரப்பர் விலையைக் குறைந்தபட்சம் 5 ரிங்கிட்டாக நிர்ணயிக்கும் இலக்கை அரசு கொண்டிருக்கிறது என்று துணைப்பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ டாக்டர் அமாட் ஸாஹிட் ஹமிடி கூறினார்.

நாடு முழுவதும் 5 லட்சத்திற்கும் அதிகமான ரப்பர் சிறுதோட்டக்காரர்களின் வருமானத்தை உயர்த்தவும் அவர்களின் வாழ்க்கைத் தரத்தை உயர்த்தவும் இந்த இலக்கு நிர்ணயிக்கப்படுகிறது.

ரிஸ்டா எனப்படும் ரப்பர் சிறுதோட்டக்காரர்கள் மேம்பாட்டு வாரியத்தின் நிர்வாகத்திற்கு இது சவால்மிக்கதாக அமையும் என்றும் அவர் குறிப்பிட்டிருக்கிறார்.

உலகளவிலான சேவை, தேவை உலகச் சந்தையில் கிடைக்கும் வாய்ப்பு ஆகியவற்றின் அடிப்படையில்தான் ரப்பருக்கு அதிக விலை கிடைக்கும் என்றாலும் உலகச் சந்தையில் ரப்பர் அதிக விலைக்கு வர்த்தகம் செய்யப்படுவதை உறுதி செய்ய ஒரு புதிய அணுகுமுறையை ரிஸ்டா ஆராயும் என்றும் அவர் மேலும் சொன்னார்.



ரப்பர் சிறுதோட்டக்காரர்களின் வருமானத்தை உயர்த்துவது மட்டும் இதன் நோக்கம் அல்ல. மாறாக ரப்பர் தொழில்துறை தொடர்ந்து வலுவுடன் இருப்பதற்கு இது அவசியமாகிறது. அது மட்டுமன்றி இளம் தலைமுறையினர் ரப்பர் தொழில்துறையில் ஈடுபடுவதற்கும் அவர்களின் ஆர்வத்தைக் கவர்ந்திழுப்பதற்கும் இது அவசியமாகிறது என்று அவர் குறிப்பிட்டார். உலகச் சந்தையில் ஏற்படக்கூடிய தேவை, வாய்ப்புகள் அடிப்படையில்தான் ரப்பர் விலை அமைகிறது என்று பலர் கூறுகிறார்கள். இது ஒரு பொருளாதார அம்சம்தான். ஆனால் சிறு தோட்டக்காரர்களின் பொருளாதார வளர்ச்சிக் கும் அவர்களின் வாழ்க்கைத் தரத்தை உயர்த்துவதற்கும் ஒரு புதிய அணுகுமுறையை நாம் ஆராய வேண்டும் என்று அவர் மேலும் சொன்னார். கௌரவம் நிறைந்த தன்மையுடன் ரப்பர் விலை இருக்க வேண்டும் என நாங்கள் விரும்புகின்றோம். ரப்பர் சந்தையை ஊக்குவிக்கும் விஷயம் அல்ல இது. ஆனால் தேசிய ரப்பர் உற்பத்திக்கு முக்கியப் பங்களிப்பை வழங்கும் ரப்பர் சிறுதோட்டக்காரர்களுக்கு உதவ வேண்டும் என்பதே முக்கியம் என்று அவர் சிரம்பானில் நேற்று முன்தினம் நடைபெற்ற ஒரு நிகழ்ச்சியில் கலந்துகொண்ட பின் இதனைத் தெரிவித்தார்.